

## 1. PENDAHULUAN

- 1.1 Dalam usaha membuat penambahbaikan pentadbiran tanah dan meningkatkan tahap penyampaian perkhidmatan kerajaan, Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Terengganu telah memperkenalkan *Single Point Of Contact (SPOC)* di Unit Pendaftaran bagi memproses permohonan pendaftaran urusan niaga dan bukan urusan niaga dalam tempoh satu hari bekerja.
- 1.2 *Single Point Of Contact (SPOC)* ini telah dilaksanakan di Pejabat Pengarah Tanah Galian Terengganu bermula pada 1 September 2009.

## 2. TUJUAN

- 2.1 *Single Point Of Contact (SPOC)* diwujudkan bertujuan memproses permohonan pendaftaran urusan niaga dan bukan urusan niaga dengan lebih cekap, cepat, berkesan dan produktif dalam tempoh masa satu hari bekerja.

## 3. CIRI-CIRI *SINGLE POINT OF CONTACT (SPOC)*

- 3.1 Dokumen yang lengkap dan telah mematuhi senarai semak mengikut seksyen 3 Kanun Tanah Negara (KTN), 1965;
- 3.2 Menggunakan kaedah *one piece flow* iaitu dokumen terus diproses tanpa masa menunggu;
- 3.3 Urusan diselesaikan dalam tempoh tidak melebihi 8 jam waktu bekerja;
- 3.4 Dokumen perserahan yang telah didaftar boleh diambil pada hari kedua bekerja;
- 3.5 Dibuka dari jam 8.00 pagi hingga 4.30 petang;
- 3.6 Melibatkan perserahan urusan niaga dan bukan urusan niaga bagi hakmilik berkomputer; dan
- 3.7 Dokumen suratcara melalui perserahan *Single Point Of Contact (SPOC)* adalah seperti berikut:
  - 3.7.1 Urusniaga
    - i) Pindahmilik Tanah dan Pajakan – Borang 14A KTN ;
    - ii) Melepaskan Gadaian – Borang 16N KTN ;
    - iii) Gadaian – Borang 16A/16B KTN ;
    - iv) Pajakan – Borang 15A KTN ;
    - v) Pajakan Kecil Tanah – Borang 15B KTN ;
    - vi) Penyerahan Balik Pajakan – Borang 15C KTN ;

- vii) Pindahmilik Gadaian – Borang 14B KTN ;
- viii) Penangguhan gadaian – Borang 16C KTN ;
- ix) Perintah Jual Oleh Mahkamah – Borang 16F;
- x) Pemberian Ismen – Borang 17A KTN ;
- xi) Pemberian Ismen Berbalas Sokong – Borang 17B KTN ;
- xii) Melepaskan Ismen – Borang 17C KTN ;
- xiii) Pendaftaran sebagai Penyewa

### 3.7.2 Bukan Urusniaga

- i) Perintah mahkamah ;
- ii) Pembatalan Gadaian – Borang 18B KTN ;
- iii) Kaveat Persendirian – Borang 19B KTN ;
- iv) Kaveat Pemegang Lien – Borang 19D KTN ;
- v) Kaveat Amanah – Borang 19E KTN ;
- vi) Memotong Kaveat Persendirian – Borang 19H KTN;
- vii) Menarik balik Kaveat Persendirian – Borang 19G KTN ;
- viii) Perintah Larangan ;
- ix) *Grant of Probate* ;
- x) Surat Pemegang Amanah ;
- xi) Penukaran Nama 378 KTN ;
- xii) Perletakhakan Statutori – Borang 30A/30B KTN ;